

02/05/1997

DRB, Hicom nafi khabar angin

Kamal Ahmad

PENGARAH Urusan Diversified Resources Bhd (DRB) dan Hicom, Datuk Saleh Sulong, semalam menafikan pihaknya akan mengambil alih francais Peugeot dan Jeep Cherokee daripada MBf Holding Bhd.

Beliau berkata, perkara mengenai pengambilalihan itu tidak pernah dibangkitkan dalam mesyuarat dalaman DRB mahupun Hicom selama ini.

"Siapa cakap? Jangan dengar khabar-khabar angin ini. Perkara ini tidak dibangkitkan oleh pihak kami dalam mana-mana mesyuarat dalaman. (Ia) Belum menjadi satu topik dalam perbincangan dalaman kami pun," katanya mengulas laporan sebuah majalah antarabangsa terbitan 14 Mac lalu.

Saleh yang ketika itu baru mengambil alih kedua-dua syarikat berkenaan menurut majalah itu, dikatakan akan memulakan perbincangan mengambil alih francais pemasangan Peugeot dan Jeep Cherokee daripada MBf Holding Bhd.

Dua minggu kemudian, pegawai kanan MBf dalam satu kenyataan ringkas dalam majalah yang sama berkata tidak ada sebarang perbincangan antara MBf dengan Hicom mengenai pengambilalihan francais kedua-dua jenis kenderaan berkenaan.

Terdahulu, Saleh berkata pihaknya akan mengadakan pertemuan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna yang difahamkan pada 9 Mei depan berkaitan rungutan pembeli mengenai 'paksaan' membeli aksesori tambahan oleh wakil penjual Proton.

"Saya diberitahu bahawa Menteri menyarankan supaya dialog diadakan di antara kementerian dengan pihak kami untuk mengenal pasti apakah yang menyebabkan kesulitan itu.

"Saya rasa ini tidak menjadi masalah besar kalau ia dibincangkan dengan positif dan sudah tentu pihak berkenaan akan memahami kedudukan sebenar perkara itu," katanya kepada pemberita selepas beliau mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rombongan yang berlepas ke Malawi di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang, pagi semalam.

Beliau menegaskan, pihaknya ada menegur beberapa wakil penjual Proton yang didapati memaksa pelanggan membeli aksesori tambahan kerana pembelian barangan itu sepatutnya tidak melalui paksaan.

"Sebenarnya kita memberi pilihan kepada pembeli untuk menentukan sama ada mereka hendak (membeli) aksesori yang berkenaan atau tidak. Sebenarnya, tidak ada elemen paksaan di sini.

"Saya rasa ada satu atau dua wakil penjual yang cuba menambah jenis aksesori kepada setiap satu kenderaan yang dijual. Tapi ini cuma segelintir saja. Memang kita ada sedikit sebanyak memberi sebab aksesori itu elok dipasang tetapi jika pembeli tidak mahu, itu terpulang kepada pembeli sendiri," katanya.

Saleh bagaimanapun mengakui ada sesetengah aksesori kereta yang dipasang terlebih dahulu kerana kebanyakan pembeli tidak menolaknya.

"Jadi, sekiranya seseorang itu tidak mahu, kita terpaksa ambil kereta baru yang mengambil sedikit masa untuk menggantikan dengan yang baru," katanya.

Beliau menyifatkan harga aksesori tambahan Proton berpatutan dan dijamin tinggi mutunya kerana ia barangan tulen.

"Ia dipasang kerana ini bersesuaian dengan kereta. Kalau dipasang di luar mungkin harganya lebih mahal dan cara pemasangannya tidak betul. Kalau tak betul, maka kereta tak berfungsi dengan baik dan mereka akan menuduh kereta yang tak elok bukan salah pemasangan.

"Harganya pula berpatutan kerana kita cuba menepati kualiti yang diperlukan. Kalau kita beli di luar mungkin satu kompromi dibuat mengenai mutu. Begitu juga alat ganti jika dibeli daripada pembekal yang ditauliahkan mungkin mahal sedikit kerana ia barang tulen. Kalau kita beli di luar tidak semestinya tulen tapi murah dan tidak menyedari sebenarnya mutu alat ganti itu tidak baik," katanya.

(END)